

Hakisan sungai semakin teruk

Oleh MARTIN KAHAR
martin.kahar@kosmo.com.my

BANGI - Kejadian hakisan sungai yang berlaku di beberapa kampung di sekitar pekan Bangi Lama kini sudah pada tahap membimbangkan penduduk.

Mereka mendakwa, selain hakisan yang berpunca daripada aktiviti mengorek pasir, ia juga dikatakan ekoran fenomena alam terutamanya ketika musim hujan lebat.


Salah seorang penduduk, Ramadan Omar, 38, berkata, dia dan beberapa penduduk lain terpaksa mengambil tindakan alternatif menambak tebing sungai berhampiran kawasan perumahan bagi mengelakkan hakisan menjadi semakin serius.

Katanya, masalah hakisan sungai di situ sudah banyak kali diajukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun tiada sebarang tindakan diambil setakat ini.

"Kita sudah banyak kali buat aduan, siapkan kertas kerja, hantar kepada JPS, minta mereka datang tengok sendiri sungai di sini.

"Apabila berlaku hakisan kami terpaksa menyewa jengkaut untuk menaikkan pasir, supaya dapat membina benteng bagi memastikan kawasan tanah tidak terhakis," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ramadan memberitahu, tindakannya mengorek pasir menggunakan jentera pengaut di belakang rumah telah mengundang panda-



TEBING sungai ini yang ditambak menggunakan pasir bagi mengurangkan hakisan gagal menghalang fenomena berkenaan di Kampung Batu Lima, Bangi semalam.

ngan serong masyarakat sekeliling yang mendakwa dia terlibat dengan sindiket curi pasir.

"Saya tak jual pun pasir-pasir ini. Memang ramai yang datang nak beli, tapi saya tak jual.

Pasir ini memang kami tambak supaya mengelakkan berlaku hakisan," jelasnya.

Kosmo! difahamkan, sebelum Pilihan Raya Umum ke-12 lalu, kerajaan negeri ada memberi

kontrak kepada beberapa syarikat untuk mengurus, melebar, menggali dan memperbaiki runtutan tebing sungai di sini.

Sebagai timbal balas, lebih pasir akan menjadi milik syarikat dan syarikat akan membayar sedikit royalti kepada kerajaan negeri.

Bagaimanapun, selepas isu curi pasir dilaporkan semakin berleluasa, kerajaan negeri pimpinan Pakatan Rakyat telah membekukan permit mengorek pasir kepada syarikat-syarikat sedia ada dan semua kerja-kerja penyelenggaraan sungai diletakkan di bawah urus tadbir JPS.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* di beberapa batang sungai mendapati, keadaan ekosistem bukan sahaja semakin tidak seimbang, malah hakisan sungai yang berlaku sedikit demi sedikit menyebabkan keluasan tanah penduduk kampung yang terletak di tebing sungai semakin mengecil.

Seorang lagi penduduk, Azizi Jaafar, 33, meminta supaya JPS lebih bertanggung jawab untuk menyelenggara sungai yang terdapat di kawasan itu bagi mengelakkan hakisan menjadi semakin serius.

"Sepatutnya JPS memasang cerucuk atau struktur batu pada tebing sungai supaya dapat mengelakkan berlakunya hakisan.

"Mereka juga perlu bina struktur batu pada tebing sungai supaya pasir tidak dihanyutkan apabila berlaku hujan lebat," katanya.